

13 JAN 2002

Mahathir-Pembangkang (Bergambar)

MASALAH PEMBANGKANG PETANDA BAIK BN PERTAHAN INDERA KAYANGAN

LANGKAWI, 13 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masalah yang melanda parti pembangkang dalam kempen pilihan raya kecil Indera Kayangan di Perlis adalah petanda peluang Barisan Nasional untuk mempertahankan kerusi itu adalah baik.

"Saya fikir (peluang untuk menang) nampak baik kerana kita tahu ramai anggota Keadilan telah menarik diri," katanya ketika ditanya mengenai tindakan pengarah pilihan raya Parti Keadilan Nasional bagi pilihan raya kecil itu Mej (B) Mohd Shariff Abdul Razak meletak jawatan untuk memohon menyertai Umno.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain meninjau perkembangan pelbagai projek pembangunan di Langkawi. Beliau tiba petang semalam.

Mohd Shariff, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Keadilan Perlis, bersama lebih 60 orang pemimpin Keadilan Perlis, dilaporkan bertindak demikian kerana tidak puas hati dengan kepimpinan parti itu yang tidak mengambil kira pandangan pemimpin negeri dalam soal pemilihan calon bagi pilihan raya kecil itu.

Dr Mahathir berkata perjuangan Keadilan mempunyai matlamat terhad sahaja iaitu untuk satu sebab dan tidak ada yang lain.

"Anggota parti itu pula tidak mempunyai dedikasi pada perjuangan dan dengan itu mudah sahaja retak dia pecah. Saya yakin ini adalah tanda bahawa Keadilan akhirnya akan hilang begitu sahaja," katanya.

Perkembangan lain yang berlaku pula memberi tamparan hebat kepada Keadilan, kerana menurut Dr Mahathir, DAP tidak mahu terbabit dengan pakatan pembangkang.

DAP melarang mana-mana anggotanya berkempen dalam pilihan raya kecil itu kerana ia tidak lagi menganggotai pakatan pembangkang.

Ketika ditanya sama ada perkembangan yang berlaku dalam pakatan pembangkang merupakan satu sandiwara, Dr Mahathir berkata : "Kita bukan nak perlepas (lari daripada bertanggungjawab kerana membuat kesilapan) sesuatu dengan berkata itu sandiwara ini sandiwara, benda yang benar kita kata benar, yang tak benar kita kata tak benar.

"Macam Pas dan Keadilan nampaknya tidak mempunyai alasan yang munasabah berhubung kejadian rompakan bersenjata (di Sauk). Adakah munasabah kononnya rompakan bersenjata adalah sandiwara tapi yang lain tidak. Guna senjata itu bunuh orang, macam mana kata sandiwara, ini cakap karut."

Dr Mahathir juga berkata pembangkang sudah kehabisan modal sehingga sanggup menjadikan kematian sebagai modal kempen untuk menarik sokongan pengundi di Indera Kayangan.

Sebelum ini, Muhammad Zahid Md Arip dari Keadilan dilaporkan berkata kematian anak Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim adalah satu balasan Tuhan.

"Ini perkara tak baik, kerana dalam budaya kita, kita hormati kematian walaupun musuh kita menghadapi masalah kematian, kita tak kata padan muka," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri hairan dengan gejala ganas yang berlaku di kalangan pelajar negara ini.

"Saya tak tau apa dok jadi sampai penuntut nampak ganas," katanya ketika ditanya berhubung seorang pelajar sekolah menengah di Besut ditahan Khamis lepas kerana didapati memiliki tiga bahan peledak bersama sebutir peluru.

Beliau berkata perkembangan itu menunjukkan ada pihak tertentu yang mengajar supaya pelajar menjadi ganas.

"Ini bukan budaya kita. Kita bukan bangsa yang ganas tapi ada orang yang berminat nak bawa budaya keganasan ke negara kita," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia akan mendapatkan maklumat dari Singapura berhubung kumpulan militan yang beroperasi di republik itu dan mempunyai rakaian di negara ini.

"Maklumat lain saya tidak tahu, itu urusan polis," katanya.

-- BERNAMA

NH MAI